

# PERKHIDMATAN CEMERLANG, SPU GEMILANG!



Bengkel Peningkatan Prestasi dan Produktiviti merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Sekolah Perubatan untuk meningkatkan disiplin diri bagi mencapai produktiviti yang telah ditetapkan dalam Key Performance Indicator (KPI). Selain itu, program ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi motivasi kakitangan sokongan untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan. Program ini telah diadakan di The Cottage Hotel, Kundasang selama dua hari bermula pada 16 hingga 17 November 2012. Antara pemudahcara yang terlibat dalam program ini termasuklah Prof Dr Ahmad Faris Abdullah, Prof Madya Dr Awang Setia Musleh, Prof Madya Dr Kumaraswamy dan Cik Atiqah Chew Abdullah. Bengkel ini telah diadakan dengan jayanya dan diakhiri dengan aktiviti persembahan dari 4 buah kumpulan yang terlibat. Semoga kakitangan sokongan Sekolah Perubatan bermotivasi tinggi bagi menghasilkan impak yang cemerlang.

